



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	10/7/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:
JABATAN	:	SPRM/ JPNP		2

Siasatan SPRM sudah lengkap 80 peratus

Dalang kebun durian haram di Raub disiasat

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam proses melengkapkan siasatan berhubung isu pencerobohan tanah kerajaan negeri Pahang yang dijadikan ladang durian secara haram di Raub.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, pihaknya telah memanggil peneroka dan pihak berkuasa berkaitan untuk dirakam keterangan.

"Kita harus faham, isu ini ada dua. Pertama, berbangkit ketidakpuasan hati masyarakat dalam kes berkenaan dan SPRM tidak boleh campur tangan kerana ia melibatkan siasatan pihak berkuasa lain.

"Kedua, isu rasuah. Di sini kita telah buka fail siasatan untuk tindakan lanjut. Beri kami masa dan kerana kes yang berlaku ini bukanlah kes baharu, ia kes yang sudah lama berlaku," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Azam berkata, jika ada pihak yang mendakwa berlakunya rasuah berkenaan isu pencerobohan itu, sila tampil kepada SPRM dan usah membuat se-



Suasana terkawal dalam operasi memusnahkan pokok durian di Hutan Simpan Batu Telam, Raub selepas kehadiran anggota PGL.



AZAM

RASUAH BUSTERS

barang spekulasi tanpa mengetahui perkara sebenar.

"Kita juga telah dapatkan maklumat daripada jabatan hutan dan pejabat tanah daerah kerana ia adalah kes yang telah lama berlaku.

"Setakat ini siasatan sudah 80 peratus. Beri kita sedikit masa untuk kita

selesaiannya," katanya.

Pada 1 Ogos tahun lalu, kerajaan Pahang mula bertindak tegas dalam menangani kegiatan pengusaha kebun durian di Raub yang diusahakan secara haram di atas tanah kerajaan negeri.

Tindakan itu dilakukan berikutan kerajaan negeri mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah daripada kebun haram termasuk di kawasan hutan simpan.

Antara kawasan dusun durian di Raub yang terbabit ialah Hutan Simpan Gunung Benom, sekitar Sungai Ruan, Sungai Chalit serta Tranum dan Tras.

